

02 NOV 1997

Hotel

PUTERA CHARLES RASMI HOTEL MILIK RAKYAT MALAYSIA DI AFRIKA SELATAN

Oleh: Siti Hawa Othman

JOHANNESBURG, 2 Nov (Bernama) -- Hotel Sandton Hilton di Johannesburg, Afrika Selatan, milik anak Malaysia, mencatat sejarah apabila dirasmikan oleh Putera Wales pada Sabtu.

Syarikat Business Focus Sdn Bhd yang dikuasai Datuk Amin Shah Omar Shah, memiliki 70 peratus saham Hotel Sandton Hilton, manakala baki 30 peratus lagi dimiliki oleh sebuah konsortium tempatan yang dikenali sebagai A Van Der Mer Konstruksi.

Hotel berharga RM145 juta itu yang memiliki 324 bilik, terletak di Sandton. Ia adalah rangkaian hotel Hilton kedua di sini selepas di Durban yang juga dimiliki syarikat Malaysia, Renong Bhd yang menguasai 85 peratus sahamnya.

Hotel itu, yang pembinaannya dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa lawatannya ke sini pada 1995, diuruskan oleh Hilton International.

Hotel itu juga merupakan hotel Hilton pertama yang mempunyai sebuah restoran Malaysia di luar negara, selain daripada hotel pertama yang menyediakan dapur halal di sini.

Lantai hotel berkenaan yang disifatkan sebagai "Hotel Seni" oleh Amin Shah, dialas dengan permaidani bermotifkan Afrika manakala hasil-hasil seni oleh artis-artis Afrika menghiasi segenap penjuru hotel itu.

Putera Charles berada di sini sebagai sebahagian daripada rangka lawatannya ke rantau selatan Afrika bersama putera beliau, Harry. Ini adalah lawatan rasminya yang pertama ke luar negara selepas kematian bekas isteri beliau, Puteri Diana.

Dalam ucapannya Putera Charles berkata beliau kagum dengan hotel itu yang memaparkan konsep kepelbagaian kebudayaan Afrika dalam hiasan dalamannya.

Putera itu berkata adalah penting bagi hotel untuk menghormati lanskap tempatan sebagai cara menambat hati para pelancong yang mencari kepelbagaian kebudayaan.

Beliau turut gembira dengan perhatian khusus oleh pemiliknya terhadap prinsip-prinsip alam sekitar semasa pembinaan hotel berkenaan.

"Perkembangan industri perhotelan di seluruh dunia memberikan kesan negatif terhadap alam sekitar, khususnya menerusi penggunaan sumber semula jadi yang keterlaluan serta merosakkan alam sekitar. Ia perlu ditangani dengan berkesan," kata Putera Charles. -- BERNAMA.

SHO MZ RON